

PENDEKATAN ANALISIS KONTRASTIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA INDONESIA SEBAGAI BAHASA ASING¹

Norizah binti Ardi, Ph.D
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA
Malaysia
norizah@salam.uitm.edu.my

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan pendekatan analisis kontrastif yang wajar digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing oleh universiti-universiti di luar Melayu yang menawarkan kursus bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Pendekatan ini boleh dilakukan memandangkan kebanyakan universiti yang menawarkan kursus bahasa Melayu, terlebih dahulu telah mengajar atau mendedahkan pelajar-pelajar mereka kepada bahasa Indonesia. Bahasa Indonesia umumnya adalah bahasa serumpun dengan bahasa Melayu. Oleh itu terdapat banyak persamaan antara kedua-dua bahasa tersebut dari aspek tatabahasa dan perbendaharaan kata. Walau bagaimanapun apabila dikaji dari segi sebutan, pengejaan dan makna perkataan didapati terdapat perbezaan. Pendekatan analisis kontrastif yang membandingkan antara kedua-dua bahasa didedahkan dalam kertas kerja ini. Dalam kertas kerja ini dibincangkan tentang persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut dari segi pengejaan, sebutan, dan makna kata. Kertas kerja ini diharap dapat dijadikan panduan kepada pengajar atau pensyarah kursus bahasa Melayu yang diajar sebagai bahasa asing.

Abstract

This paper discusses the contrastive analysis approach that is appropriate to be used in the teaching and learning of Malay as a foreign language, by universities outside of Melayu, which offer Malay and Indonesian languages courses. This approach can be done as most of the universities that offer Malay courses, was earlier exposed their students to the Indonesian language. Both languages are homogeneous language. Therefore, there are many similarities between these two languages in terms of grammar and vocabularies. However, when examined in terms of pronunciation, spelling and meaning of the words, the differences can be found. Contrastive analysis approach that compares the two languages is disclosed in this paper. Moreover, it discussed about the similarities and differences found in the two languages in terms of spelling, pronunciation and meaning of words. This paper aims to serve as a guide to teachers and lecturers who teach Malay course as a foreign language.

¹ Kertas kerja ini telah dibentangkan buat pertama kalinya dalam Siri Wacana Akademik pada 24 Oktober 2011 di Universiti Walailak, Nakhon Sri Tammarat, Thailand.

Pengenalan

Bahasa Melayu atau bahasa Melayu sudah lama diajar sebagai bahasa asing di banyak universiti dan kolej di luar negara. Kebanyakan universiti yang menawarkan kursus bahasa Melayu, terlebih dahulu telah mengajar atau mendedahkan pelajar-pelajar mereka kepada bahasa Indonesia. Kertas kerja ini akan membincangkan salah satu pendekatan, iaitu pendekatan analisis kontrastif yang wajar digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing oleh universiti-universiti di luar Melayu yang menawarkan kursus bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Pendekatan ini boleh dilakukan memandangkan Bahasa Indonesia umumnya adalah bahasa serumpun dengan bahasa Melayu. Oleh itu terdapat banyak persamaan antara kedua-dua bahasa tersebut dari aspek tatabahasa dan perbendaharaan kata. Walau bagaimanapun apabila dikaji dari segi sebutan, pengejaan dan makna perkataan didapati terdapat perbezaan. Pendekatan analisis kontrastif yang membandingkan antara kedua-dua bahasa disarankan dalam kertas kerja ini kepada pengajar atau pensyarah yang mengajar bahasa Melayu terhadap pelajar asing yang sudah pun mengetahui bahasa Indonesia. Dalam kertas kerja ini dibincangkan tentang persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut dari segi pengejaan, sebutan, dan makna kata.

Analisis Kontrastif, Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Asing

Analisis kontrastif merupakan satu bidang ilmu yang sudah mendapat tempat di Amerika Syarikat sejak tahun 1960-an lagi. Menurut Larsen-Freeman & Long (1991) yang dipetik dalam (Yoon, 2002), pada waktu tersebut linguistik struktural dan psikologi perlakuan agak dominan dalam kajian pengajaran bahasa. Penyokong pendekatan analisis kontrastif telah mencadangkan bahan pengajaran untuk bahasa kedua/asing akan lebih berkesan sekiranya dilakukan dengan membandingkan dua bahasa. Sesetengah penyelidik malah percaya bahawa apabila persamaan dan perbezaan antara bahasa pertama dan bahasa kedua itu diambil kira, pedagogi pengajaran akan menjadi lebih efisien dan berguna. Asas bagi timbulnya gagasan ini ialah hipotesis analisis kontrastif yang dikemukakan oleh Lado dalam *Linguistics Across Cultures* (1957). Menurut hipotesis Lado, "*those elements that are similar to the [learner's] native language will be simple for him, and those areas that are different will be difficult.*" Daripada hipotesis ini menjelaskan bahawa pembelajaran bahasa akan lebih berkesan atau berjaya apabila kedua-dua bahasa itu, iaitu bahasa ibunda/pertama dan bahasa asing yang dipelajari mempunyai persamaan. Kajian Schuster (1997) menunjukkan penutur Inggeris yang mempelajari Jerman atau penutur Jerman yang mempelajari bahasa Inggeris mudah mempelajari bahasa yang mereka pelajari itu, kerana kedua-dua bahasa tersebut mempunyai ciri-ciri persamaan. Sebaliknya pula, apabila dua-dua bahasa yakni bahasa pertama dan bahasa asing itu mempunyai ciri yang jauh berbeza, pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih sukar.

Sejak dua dekad yang lalu, analisis kontrastif yang bersistem telah digunakan untuk meramalkan kesukaran dalam mempelajari bahasa asing. Kini analisis kontrastif digunakan untuk menerangkan kesukaran dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa asing. Di samping itu, analisis kontrastif digunakan untuk menerangkan tahap-tahap kesusilaan bahasa. Umumnya perbandingan antara dua bahasa dalam analisis kontrastif itu adalah menjurus kepada bentuk-bentuk yang ada dalam sistem bahasa, iaitu fonologi, morfologi, leksikal, sintaksis dan semantik. Ilmu tentang jenis-jenis dan darjah perbezaan dan persamaan antara dua bahasa, mengikut tahap-tahap sistem linguistik ini akan membantu pemahaman tentang

keperluan dan kesukaran yang harus diberi perhatian oleh pelajar dalam mempelajari bahasa asing. Makna atau aspek semantik adalah perkara pokok yang harus difahami. Oleh itu, amat penting bagi guru atau pensyarah yang mengajar bahasa asing sedar akan interaksi pada tahap kategori semantik dan tahap formal yang didukungnya.

Sesuatu bahasa asing itu dipelajari untuk memperoleh salah satu atau kedua-dua kemahiran berikut : Pertama, kemahiran penerimaan atau *receptive skill*. Kedua, kemahiran penghasilan atau *productive skill*. Kemahiran penerimaan merujuk kepada kebolehan (a) mendengar, dan (b) membaca. Sementara kemahiran penghasilan merujuk kepada kebolehan (c) bertutur, dan (d) menulis. Oleh itu sesiapa yang ingin mempelajari bahasa asing, mestilah terlebih dahulu menentukan tujuan yang ingin dicapai. Adakah dia ingin memiliki kemahiran mendengar, supaya apabila ia mendengar bahasa asing itu dituturkan, maka ia memahaminya? Adakah dia ingin memiliki kemahiran membaca teks bahasa asing, walaupun dia tidak mempunyai kemahiran mendengar dan bertutur dalam bahasa tersebut? Adakah dia ingin memiliki kemahiran bertutur, walaupun tidak boleh membaca dan menulis dalam bahasa asing tersebut? Adakah dia ingin memiliki kemahiran menulis, walaupun tidak menguasai kebolehan mendengar serta bertutur dalam bahasa asing tersebut? Atau dia ingin memiliki keempat-empat kemahiran itu, iaitu mendengar, membaca, bertutur dan menulis? Modul dan kurikulum pengajaran khas haruslah disediakan bagi mencapai tujuan-tujuan kemahiran tersebut.

Seorang pemandu pelancong umpamanya, lebih memerlukan kemahiran penghasilan, yakni dalam aspek pertuturan. Terdapat pemandu pelancong tempatan yang boleh bertutur dengan pelancong Jepun dan Korea, tetapi pemandu pelancong tersebut tidak menguasai kemahiran membaca atau menulis dalam bahasa Jepun atau Korea. Bagi seseorang penyelidik atau penyiasat yang bergantung pada bahan-bahan bertulis atau teks, mereka lebih memerlukan kemahiran penerimaan, yakni dalam aspek membaca teks asing. Umpamanya, penyelidik atau penyiasat tersebut boleh memahami tulisan Siam atau Tagalog, tetapi mereka mungkin tidak menguasai kemahiran mendengar dan bertutur di dalam bahasa Siam atau Tagalog.

Pengajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing di Serata Dunia

Bahasa Melayu telah diajar atau ditawarkan sebagai satu mata pelajaran bahasa asing oleh hampir semua universiti terkemuka di negara-negara seperti Eropah, Amerika, Rusia, negara Asia seperti Jepun, Korea, China, India dan sebagainya. Misalnya, di Rusia, menurut Tatiana V. Dorofeeva (2003: 191), Tradisi pengajaran bahasa Melayu terbentuk sudah lama (bagi bahasa Indonesia sejak tahun 50-an abad ke-20) dan terus berkekalan intinya sehingga ke hari ini. Victor A. Pogadaev (2003:200) pula menyebut ...bahasa Melayu (dalam versi Indonesia) mula diajar di beberapa perguruan tinggi di Moscow dan selanjutnya di Petersburg sejak tahun 1950-an.

Sebenarnya Melayu memang membantu dan memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di luar negara. Bagi merealisasikan kerajaan Melayu telah menubuhkan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) pada 2 Julai 1977. Aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di pusat-pusat pengajian, badan akademik, institut penyelidikan dan budaya di peringkat antarabangsa merupakan salah satu peranannya. Oleh itu pada 24 hingga 25 Ogos 2001 telah diadakan satu seminar Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. Persidangan tersebut telah menemukan pengajar atau pensyarah bahasa Melayu sebagai bahasa asing daripada seluruh

pelosok dunia. Prinsip, kaedah, bahan, teknologi dan perancangan peningkatan dan pengalaman mengajar bahasa Melayu telah dibentangkan dan dibincangkan dalam seminar tersebut.

Pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing mempunyai pelbagai pendekatan dan teknik. Dustin Cowell (2003:87) mengatakan sejak tahun 1960-an, muncul kaedah-kaedah baru dalam pengajaran bahasa asing, dengan menggunakan bahasa sasaran tanpa menggunakan bahasa para pelajar di dalam kelas seboleh mungkin, kecuali untuk menerangkan tatabahasa kalau ada keperluan. Tambah beliau, secara umumnya, bahasa Melayu diajar di universiti-universiti Amerika Utara dengan menggunakan bahasa Melayu dan membatasi penggunaan bahasa Inggeris.

Dustin Cowell (2003:89) mengatakan sejumlah besar daripada pengajar bahasa Melayu di Amerika Utara cenderung mengarahkan cara mereka mengajar pelajar berkomunikasi, dengan:

- i. Utamakan kesempatan bagi setiap pelajar menggunakan bahasa sasaran dalam kelas.
- ii. Usaha meningkatkan minat pelajar mencintai bahasa Melayu.
- iii. Terangkan kepada pelajar bahawa ketetapan dalam usaha mereka untuk berkomunikasi adalah faktor penting dan bahawa salah satu peranan mereka adalah untuk memperbaiki kesalahan mereka dari segi sebutan dan intonasi, tatabahasa, dan penggunaan kosa kata.
- iv. Gunakan ujian kemahiran lisan untuk (1) menilai kemampuan pelajar dari segi fungsi, isi, ketepatan dan jenis wacana, (2) mengarahkan cara mengajar pelajar tersebut, dan (3) menerangkan kepada pelajar apa harus dibuat untuk meningkatkan kemampuannya.

Teknologi komputer dan elektronik juga digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Ismet Fanany (2003:156) mengatakan dalam pengajaran bahasa Melayu di Universiti Deakin, Australia mereka telah menggunakan teknologi yang mencakupi CD, CD-Rom, *website*, *FirstClass* dan *TopClass*. Melalui pengalaman menyediakan bahan pengajaran ini, beliau menyimpulkan bahawa penggunaan teknologi komputer dan elektronik di Universiti Deakin membolehkan penyajian bahan lebih menarik, memudahkan semakan atau perbaikan bahan, memperlancarkan hubungan antara pengajar dan pelajar, boleh digunakan dalam penilaian dan evaluasi.

Hasil daripada pertemuan dan perbincangan dengan pengajar dan pensyarah bahasa Melayu tersebut, didapati bahawa hampir seluruh universiti di luar negara yang menawarkan kursus bahasa Melayu sebagai bahasa asing itu mengatakan pelajar-pelajar mereka pada mulanya diajar bahasa Melayu versi Indonesia terlebih dahulu. Selepas mereka mengetahui bahasa Indonesia baharulah mereka didedahkan dengan bahasa Melayu. Satu daripada masalah yang dihadapi adalah antara bahasa Melayu dan bahasa Melayu ini terdapat sedikit perbezaan, sama ada dari segi sebutan, ejaan dan makna perkataan. Oleh itu disarankan di sini pendekatan analisis kontrastif antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia digunakan sebagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran kedua-dua bahasa.

Pendekatan Analisis Kontrastif dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing

Seperti yang telah dinyatakan bahawa dalam hipotesis analisis kontrastif, elemen-elemen yang sama atau hampir sama antara bahasa pertama dan bahasa kedua yang dipelajari menyebabkan pelajar mudah memahami, manakala elemen yang berbeza dalam bahasa pertama dan bahasa kedua itu akan menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran dalam mempelajarinya. Sehubungan itu, dalam bahagian ini akan dibandingkan aspek-aspek yang berbeza antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia supaya pelajar memahami perbezaan tersebut dan tidak timbulnya kesilapan semasa menggunakan sama ada bahasa Melayu atau bahasa Indonesia ketika berkomunikasi dan menulis. Dalam kertas kerja ini perbandingan hanya dibuat dari aspek ejaan dan sebutan dan makna perkataan dan ungkapan sahaja.

Perbandingan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia dari segi Ejaan dan Sebutan

Walaupun bahasa Melayu dan bahasa Indonesia merupakan bahasa serumpun, namun kesan sejarah perkembangan dan persekitaran yang berbeza menyebabkan dari segi ejaan dan sebutan terdapat perbezaan. Di bawah ini disenaraikan contoh-contoh perbezaan dari segi ejaan dan sebutan bagi perkataan yang mempunyai persamaan makna antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.

Ejaan Perkataan Bahasa Melayu (BM)	Ejaan Perkataan Bahasa Indonesia (BI)	Keterangan
ubat	obat	BM vokal u digunakan, manakala dalam BI digunakan vokal a.
bahawa	bahwa	BM digunakan tiga suku kata dalam BI hanya dua suku kata.
projek	proyek	BM konsonan j digunakan, manakala dalam BI digunakan konsonan y.
kesihatan	kesehatan	BM vokal i digunakan, manakala dalam BI digunakan vokal e.
kedokteran	kedokteran	BM vokal o digunakan, manakala dalam BI digunakan vokal e.
perbezaan	perbedaan	BM konsonan z digunakan, manakala dalam BI digunakan konsonan d.
telefon	telepon	BM konsonan f digunakan, manakala dalam BI digunakan konsonan p.
kerana	karena	BM suku kata pertama menggunakan vokal e, manakala suku kata pertama dalam BI menggunakan vokal a. Bagi suku kata kedua pula, BM menggunakan vokal a, manakala BI menggunakan suku kata e.
perlumbaan	perlombaan	BM suku kata kedua vokal u digunakan, manakala dalam suku kata kedua BI digunakan vokal o.

Ejaan Perkataan Bahasa Melayu (BM)	Ejaan Perkataan Bahasa Indonesia (BI)	Keterangan
Jumaat	Jumat	BM tiga suku kata dalam BI hanya dua suku kata.
banglow	bungalo	BM dua suku kata dan suku kata keduanya diakhiri konsonan w, dalam BI pula tiga suku kata dengan vokal a disisipkan pada suku kata kedua.
Inggeris	Inggris	BM tiga suku kata dengan vokal e disisipkan, dalam suku kata kedua, BI hanya dua suku kata.
melutut	melotot	BM menggunakan vokal u, BI menggunakan vokal o.
separuh	separo	Pada suku kata akhir BM menggunakan uh manakala BI menggunakan vokal o .
jadual	jadwal	BM menggunakan tiga suku kata dengan vokal u digunakan dalam suku kata kedua, manakala BI menggunakan dua suku kata dengan suku kata kedua dimulakan dengan konsonan w.
bererti	berarti	BM vokal e digunakan, manakala dalam BI digunakan vokal a.
profesion	profesi	BM suku kata akhir on manakala dalam BI berakhir pada suku kata ketiga sahaja.
putera puteri	putra putri	BM tiga suku kata digunakan dengan vokal e ditambah untuk membentuk suku kata kedua, manakala dalam BI hanya dua suku kata sahaja.
wang	uang	BM pada awal kata menggunakan konsonan w, manakala BI menggunakan konsonan u.
neutral	netral	BM menggunakan bunyi diftong eu, manakala BI menggunakan vokal e pada suku kata pertama.

Ejaan Perkataan Bahasa Melayu (BM)	Ejaan Perkataan Bahasa Indonesia (BI)	Keterangan
kad	kartu	BM satu suku kata dan BI dua suku kata.
elektrik	listrik	BM menggunakan tiga suku kata, manakala BI menggunakan dua suku kata menyebabkan ejaan dan sebutannya berbeza sama sekali.

Jadual 1.1 Contoh-contoh Kata Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia yang Berbeza dari Segi Sebutan dan Ejaannya.

Berdasarkan contoh-contoh di atas jelas menunjukkan terdapat perbezaan ejaan dan sebutan bagi perkataan yang mempunyai makna yang sama antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Keadaan ini berlaku kerana setiap bahasa tersebut telah berkembang mengikut sejarah negara dan persekitaran sendiri. Yakni bahasa Melayu berkembang dengan pengaruh

dialek tempatan dan pengaruh bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Bagi bahasa Indonesia pula perkembangan ejaan dan sebutan dipengaruhi oleh bahasa dan dialek di republik tersebut, di samping pengaruh bahasa Belanda, Inggeris, Arab dan sebagainya. Perbezaan ini juga berlaku kerana pedoman ejaan yang digunakan untuk bahasa Melayu dan pedoman ejaan yang digunakan untuk bahasa Indonesia agak berbeza dan mempunyai acuan sendiri. Bahasa Melayu menggunakan buku Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu (terbit 1975 dan disemak 1992). Bagi bahasa Indonesia pula pedoman yang digunakan untuk ejaan dan sebutan adalah buku Pedoman Umum Ejaan Bahasa Indonesia yang Disempurnakan (1990).

Perbandingan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia dari segi Makna Kata

Hasil daripada penelitian, didapati memang banyak perkataan dalam bahasa Melayu yang sebutannya hampir sama dengan bahasa Indonesia tetapi mempunyai makna yang berlainan. Dalam Jadual 1.2 di bawah disenaraikan beberapa contoh untuk dibincangkan.

Perkataan Bahasa Melayu	Perkataan Bahasa Indonesia	Keterangan Makna
Quran	koran	Perkataan Quran dalam BM bermaksud kitab suci Al-Quran, manakala dalam BI maknanya surat khabar.
bingung	bingung	Makna perkataan ini dalam BM adalah hilang akal, bodoh atau dungu. Namun dalam BI boleh juga membawa makna panik atau keliru
Perkataan Bahasa Melayu	Perkataan Bahasa Indonesia	Keterangan Makna
kabur	kabur	Makna perkataan ini dalam BM tidak dapat melihat dengan jelas, kurang terang atau pudar. Dalam BI, perkataan ini membawa makna melarikan diri
capik	capek	Makna perkataan ini dalam BM, tempang kakinya atau jalannya atau lumpuh (kaki atau tangan). Dalam BI makna lelah, penat atau letih
jemput	jemput	Makna perkataan ini dalam BM mengajak datang atau mengundang datang. Dalam BI pula perkataan ini bermakna datang mengambil seseorang.
bilang	bilang	Makna perkataan ini dalam BM hitung atau kira, manakala dalam BI, maknanya beritahu atau cakap.
kelamin	kelamin	Makna perkataan ini dalam BM pasangan suami isteri, dalam BI maknanya alat kemaluan
piket	piket	Makna perkataan ini dalam BM mogok dengan menghalang orang lain bekerja, manakala dalam BI maknanya menjalankan tugas yang sudah dijadualkan.

Jadual 1.2 Perkataan dalam Bahasa Melayu Sama atau Hampir Sama Sebutannya tetapi Mempunyai Makna yang Berbeza.

Didapati juga, walaupun kedua-dua bahasa ini serumpun ada juga perkataan yang berbeza untuk makna yang sama. Hal harus disedari oleh pengajar dan pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sesudah mempelajari bahasa Indonesia. Dalam Jadual 1.3 di bawah disenaraikan contoh-contohnya.

PERKATAAN BAHASA MELAYU	PERKATAAN BAHASA INDONESIA	KETERANGAN MAKNA
petang	sore	Waktu selepas tengah hari dan sebelum malam
kerajaan	pemerintah	pemimpin negeri atau negara
kacak	ganteng	kelihatan segak bagi lelaki
panggung wayang	bioskop	tempat menonton wayang
pelancongan	pariwisata	Perihal orang melancong dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya
kedai	toko	tempat menjual barang
farmasi	apotek	Kedai tempat menjual ubat-ubatan
puan	ibu	Kata panggilan hormat untuk perempuan dalam urusan rasmi
encik	bapak	Kata panggilan hormat untuk lelaki dalam urusan rasmi
pasar raya	toko serba ada	gedung tempat membeli belah yang besar
penjaga bayi	pramusiwi	Orang yang bekerja menjaga bayi atau kanak-kanak
undang-undang	ilmu hukum	Bidang ilmu yang berkaitan undang-undang atau peraturan
lapangan terbang	bandar udara (bandara)	Tempat kapal terbang mendarat atau berlepas
pemandu	super	Orang yang bekerja sebagai memandu kenderaan
kereta	mobil	sejenis kenderaan

Jadual 1.3 Contoh Perkataan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia yang Berbeza tetapi Maknanya Sama.

Kesimpulan

Bahasa Melayu dan bahasa Indonesia merupakan bahasa serumpun. Walau bagaimanapun pengaruh persekitaran, pembinaan dan pengembangan kedua-dua bahasa menyebabkan walaupun terdapat banyak persamaan dalam kedua-dua bahasa, tetapi terdapat juga perbezaannya. Perbezaan itu boleh dilihat dari segi sebutan, ejaan dan makna perkataan. Oleh itu, melalui kertas kerja ini disarankan, salah satu pendekatan yang boleh digunakan dalam pengajaran bahasa Melayu dan bahasa Indonesia sebagai bahasa asing adalah melalui pendekatan analisis kontrastif. Melalui pendekatan ini, pelajar akan tahu dan sedar tentang persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa. Berdasarkan pengalaman dan pemerhatian, didapati kebanyakan universiti di luar Negara yang menawarkan kursus bahasa Melayu, juga menawarkan kursus bahasa Indonesia. Ada juga universiti mengajar bahasa Melayu itu berasaskan bahasa Indonesia atau bahasa Indonesia itu lebih dulu didedahkan sebelum bahasa Melayu. Ini kerana bahasa Melayu dan bahasa Indonesia adalah dari rumpun yang sama. Perkara tersebut bukanlah suatu masalah. Walau bagaimanapun pelajar harus didedahkan tentang ciri-ciri yang sama dan ciri-ciri yang berbeza itu. Contoh-contoh yang dikemukakan dalam kertas kerja ini adalah sebahagian daripada perbezaan tersebut. Banyak lagi aspek yang belum dan wajar diberi perhatian. Oleh itu pensyarah wajarlah menggunakan pendekatan analisis kontrastif dalam pengajaran kedua-dua bahasa.

Rujukan

- Atiah Salleh dan Ramlah Muhammad. (peny.) 2003. *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dendi Sugono (peny.) 2006. *Praktis Bahasa Indonesia 1*, Jakarta: Pusat Bahasa, Departmen Pendidikan Nasional.
- 2007. *Praktis Bahasa Indonesia*, Jakarta: Pusat Bahasa, Departmen Pendidikan Nasional.
- Dustin Cowell (2003). 'Perkembangan Pengajaran Bahasa Asing di Amerika Utara: Pengalaman Universiti Amerika Utara Mengajar Bahasa Melayu,' dlm. *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismet Fanany (2003) ' Penggunaan Teknologi dalam Menyajikan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing' dlm. *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James, C. (1980). *Contrastive analysis*. London: Longman.
- Lado, R. (1957). *Linguistics across cultures*. Ann Arbor: Michigan University Press.
- Schuster, K. (1997). *Second Language Acquisition: Lado and the Contrastive Analysis*. carian pada 8 Februari 2011, <http://www.coas.uncc.edu/linguistics/courses/4263/4263lado.htm>
- Tatiana V. Dorofeeva. 2003. 'Kaedah dan Pendekatan Pengajaran Bahasa Melayu bagi Penutur bahasa Rusia' dlm. *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Victor A. Pogadaev. 2003. 'Peranan Kamus dalam Proses Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing' dlm. *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yoon, E. 2002. *The Effect of Second Language Experience on the Acquisition of American English /E/ and /@/*. carian 8 Februari 2011, dari [http://www.asu.edu/clas/english/linguistics/Eun%20Kyung%20Yoon/body%20I%20\(intro,lit\).doc](http://www.asu.edu/clas/english/linguistics/Eun%20Kyung%20Yoon/body%20I%20(intro,lit).doc)